

Berita Harian

Sebuah Penerbitan SPH Media Limited

Saat A. Rahman
Editor

Nazry Mokhtar
Timbalan Editor

Puad Ibrahim
Editor Bersekutu

Untuk menghubungi BH bagi bahan berita

Berita Setempat:
Hadi Saparin - 6319 5038
mhadi@sph.com.sg

Berita Perniagaan & Ekonomi:
Norhaiza Hashim - 6319 5625
norhaiza@sph.com.sg

Berita Gaya Hidup:
Hanım Mohd Saleh - 6319 5418
hanım@sph.com.sg

www.beritaharian.sg [Berita Harian Singapura](#) [beritahariansg](#) [beritahariansg](#)

Berita Harian ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN

Kejar ijazah demi jadi contoh kepada tiga anak

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

WALAUPUN sudah lebih 20 tahun bekerja sebagai seorang karyawan, Encik Muhammad Redzuan Aris percaya masih banyak lagi yang beliau perlu belajar.

Ini terutamanya apabila terdapat banyak perkembangan baru dalam kerjayanya sebagai pakar pentadbiran perkhidmatan asing di Kementerian Ehwat Luar (MFA).

Mengorak langkah untuk kembali ke sekolah pada 2018, Encik Redzuan telah mengambil peluang meningkatkan set kemahirannya.

Encik Redzuan, 43 tahun, baru-baru ini telah menamatkan pengajiannya dalam kursus Sarjana Muda Sosiologi dan Sains Politik di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Ditanya mengapa beliau memilih meneruskan pengajiannya sebagai pelajar dewasa, Encik Redzuan berkata beliau mahu menjadi contoh teladan kepada ketiga-tiga anaknya yang berusia antara lima dengan 14 tahun.

“Saya sebenarnya dulu ingin teruskan pelajaran saya selepas tamat pengajian saya di politeknik, namun tidak mempunyai rezeki untuk melakukannya ketika itu.

“Tetapi kali ini, apabila diberi rezeki,

saya rasa inilah masa saya untuk merebut peluang itu.

“Tidak kira usia, saya menyahut cabaran ini untuk meningkatkan diri saya untuk jangka masa panjang.

“Saya berharap dapat menjadi contoh yang baik kepada anak-anak saya terus meraih pengetahuan sepanjang hayat tidak kira usia,” tambahnya.

Sebagai pakar pentadbiran perkhidmatan asing di MFA, Encik Redzuan memainkan pelbagai peranan.

Antaranya termasuk membantu duta di negara beliau dikerahkan dan juga menghulur bantuan kepada warga Singapura yang bermastautin di negara-negara itu.

Berkhidmat di luar negara selama 10 tahun sebelum ini, beliau pernah dikerahkan ke London, New Dehli dan juga Jeddah.

Menurut bekas pelajar Temasek Politeknik itu, ini kali pertama beliau kembali ke sekolah setelah dua dekad.

Meskipun beliau ghairah untuk mendapatkan ilmu baru, Encik Redzuan menjelaskan bahawa beliau menghadapi beberapa cabaran seperti menyesuaikan diri dalam kelas.

“Saya teringat dengan jelas hari pertama saya di kelas. Saya berasa agak kekok dan juga segan kerana saya mungkin pel-



CONTOH TELADAN: Encik Redzuan, seorang bapa tiga anak, bersama isterinya, Cik Safira Abdul Rahman (*dua dari kiri*) berharap dapat menjadi contoh yang baik bagi anak-anak, Ilyas Safwan (*kiri*), Sofiya Safwan (*tiga dari kiri*) dan Rumi Safwan. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

jar paling tua dalam kelas,” singkapnya sambil ketawa.

Beliau menambah bahawa rakan sekelasnya semuanya berusia antara 20-an dengan 30-an tahun.

“Selain itu, saya juga harus mengimbangi masa bekerja sepenuh masa, ke kelas pada waktu malam dan juga meluangkan masa bersama keluarga saya,” katanya yang menghadiri kelas dua kali seminggu selepas waktu kerja.

Bagi Encik Redzuan, perjalanannya dipermudahkan dengan sokongan keluarga serta kakitangan di SUSS.

Menurut beliau, semasa menjalani peperiksaan, isterinya membantu dengan membawa anak-anak keluar berjalan su-

paya beliau mempunyai masa untuk mengulung kaji serta mengambil peperiksaan tanpa gangguan.

“Saya mungkin tidak dapat melakukannya tanpa sokongan keluarga saya.

“Memang bukan mudah untuk mengimbangi masa tetapi dorongan mereka tetap memberi saya semangat untuk teruskan pelajaran saya,” jelasnya.

Dengan adanya pengetahuan baru ini, Encik Redzuan berharap dapat menambah nilai dalam pekerjaannya dalam masa akan datang.

Menjelang hujung November ini, beliau dan keluarganya akan berpindah ke Muscat, Oman, setelah dikerahkan untuk bekerja di sana oleh MFA selama tiga tahun.

“Tidak kira usia, saya menyahut cabaran ini untuk meningkatkan diri saya untuk jangka masa panjang. Saya berharap dapat menjadi contoh yang baik kepada anak-anak saya terus meraih pengetahuan sepanjang hayat tidak kira usia.”

– Encik Muhammad Redzuan Aris.